


ULASAN BUKU

A.S. Hardy Shafi, Jason Tye Kong-Chiang dan Shanti Balraj Baboo (ed.), *Makyung Perspectives on Malaysia's Traditional Theatre.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, 196 halaman. ISBN 978-983-49-0151-6.

Pengulas: *Rahmah Bujang*
rahmah@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.



Makyung sudah wujud hampir 450 tahun di Malaysia sebagai suatu bentuk seni persembahan dan telah tumbuh dengan pesat di Kelantan sebagai satu tradisi lisan. Meskipun bentuknya telah mengalami perkembangan tetapi ciri yang menentukan wajah makyung sebagai sebuah seni persembahan teater yang unik dan khusus masih dikekalkan. Oleh sebab cirinya yang sudah mapan, persembahan makyung telah dinobatkan sebagai khazanah penting negara dan dunia sehingga dianugerahi “Masterpiece of the Oral and Intangible Heritage of Humanity” oleh badan antarabangsa United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

Buku *Makyung Perspectives on Malaysia's Traditional Theatre* ini merupakan kumpulan makalah hasil kajian sekumpulan penyelidik daripada Pusat Pengajian Seni yang menerima dana penyelidikan daripada Universiti Sains Malaysia (USM). Buku yang terbahagi kepada 11 bab ini mengandungi esei yang memberikan paparan yang holistik tentang seni persembahan makyung di Malaysia.

Bab Satu hingga Lima menjelaskan senario makyung yang sedia terbentuk sebagai satu tradisi persembahan. Bab Satu menjelaskan perkembangan makyung dari perspektif sejarah. Makyung dipersembahkan bagi menghormati semangat tanaman padi, Mak Hiang. Dari segi geografi, nama tempat dan kawasan yang mengisi ceritera dalam persembahan makyung mempunyai kaitan dengan nama tempat dan kawasan yang masih wujud di Kelantan. Makyung juga dikatakan berasal dari istana Kerajaan Melayu Pattani pada sekitar kurun ke-17, dan kemudiannya bernaung di

bawah tradisi Kesultanan Melayu Kelantan hingga kurun ke-19. Makyung turut berkembang sebagai tradisi rakyat tetapi aktiviti makyung terbantut pada zaman Perang Dunia Kedua. Selepas perang, kebangkitan semula makyung di Kelantan berpunca daripada penubuhan kumpulan Seri Temenggung pada bulan November 1969. Teraju utama kumpulan tersebut ialah Abdullah Awang dan Khatijah Awang, yang turut menjadi primadona persembahan makyung. Daripada naungan istana kepada kegiatan pertubuhan, makyung terdedah kepada isu sosiopolitik apabila Kelantan dikuasai oleh kepimpinan politik Parti Se-Islam Malaysia (PAS) yang bersikap dingin terhadap nasib pendukung makyung. Pada era 1990-an, makyung terpaksa mencari tapak lain, selain Kelantan untuk berkembang. Jelasnya, Bab Satu buku ini lebih bersifat analisis ringkas tentang perkembangan sejarah makyung di Malaysia.

Bab Dua buku ini tertumpu pada persembahan makyung dari aspek improvisasi, stail dan persembahan yang memerlukan penampilan watak raja atau Pak Yong (Tua dan Muda) dan Mak Yong, atau permaisuri, serta puteri dengan diiringi watak dayang dan peran yang menjadi pesuruh kepada Pak Yong. Turut dibicarakan dengan ringkas aspek perlakuan yang berkaitan dengan pengisian ruang lakonan, muzik dan pemuzik, serta kostum dan aksesori pemain.

Bab Tiga pula tertumpu pada dramatisasi peran sebagai lakonan dua pelakon lelaki, iaitu Peran Tua dan Peran Muda yang mampu berdialog secara spontan. Dua watak tersebut menampilkan mereka sebagai pelawak dan pemandu makyung ke arah persembahan yang bersifat lelucon.

Bab Empat membicarakan perspektif ruang atau tempat perlakuan makyung dengan menjelaskan ruang fizikal terbahagi kepada dua, iaitu persembahan luar dan terbuka, atau persembahan dalam dan tertutup. Turut dinyatakan ruang berlakonan dan atur letak tempat untuk para pemain mengikut peranan sebagai pemuzik atau pelakon, serta tempat untuk penonton. Bab ini membicarakan dimensi ruang menurut konvensi dramatik persembahan makyung. Aspek ruang dibahagikan kepada pelbagai dimensi seperti ruang imaginasi, ruang peserta-pemain, ruang metafizik, ruang waktu, ruang emosi dan sebagainya.

Bab Lima buku ini pula membicarakan pilihan muzik dan lagu makyung dengan menumpukan hanya pada muzik dan lagu yang sudah menjadi pilihan tetap oleh sesebuah kumpulan makyung. Tujuh buah lagu tersebut dibahagikan kepada empat kategori, iaitu lagu utamanya ialah *Lagu Menghadap Rebab*, diikuti tiga lagi kategori lagu yang dinyanyikan mengikut jenis watak, iaitu *Lagu Sedayung* (seperti *Lagu Sedayung Pak Yong*, *Sedayung Mak Yong*), *Lagu Barat* yang lazimnya milik watak Peran (seperti *Barat Anjur*, *Kisah Barat*), dan *Lagu Berkhobar* (seperti *Pak Yong Berkhobar* dan *Mak Yong Berkhobar*).

Sememangnya Bab Satu hingga Bab Lima menjelaskan senario makyung yang sedia terbentuk sebagai satu tradisi persembahan. Walau bagaimanapun, penulis seolah-olah melakukan suatu sintesis terhadap dinamisme makyung sebagai salah satu warisan persembahan. Tanggapan dan rumusan yang diutarakan masih memerlukan pengkaji menelusuri pelbagai dokumen sokongan daripada kajian ilmiah lain yang meneliti aspek tertentu makyung. Lima bab permulaan buku ini membuka pembicaraan yang serius dan terarah perkara yang wajar diberikan perhatian dalam seni persembahan makyung.

Bab Enam hingga Bab 11 buku ini membincangkan persembahan makyung dalam konteks semasa. Bab ini membicarakan cabaran yang perlu dihadapi untuk mengkomersialkan persembahan makyung, melakukan perubahan dan adaptasi mengikut arus semasa, serta mempersembahkan makyung dalam media baharu sebagai persembahan animasi 3D, mempromosikannya melalui laman maya, serta membuat cadangan untuk kesinambungan makyung pada masa hadapan. Tajuk Bab Enam hingga Bab 11 buku ini adalah seperti yang berikut:

- Bab Enam, *Staging the Commercial Makyung: Adapting to Changing Times and Practices* (Mementaskan Makyung Secara Komersial: Penyesuaian Perubahan dan Amalan Semasa);
- Bab Tujuh, *Confronting Makyung in Changing Contexts – Views from Cultural Leaders and Artistes* (Menghadapi Makyung dalam Konteks Perubahan – Tanggapan Pemimpin Budaya dan Artis);
- Bab Lapan, *3D Makyung Character Design in Malay Performing Arts* (Reka Bentuk 3D Makyung dalam Seni Persembahan Melayu);
- Bab Sembilan, *Constructing Online Web for Promoting Makyung* (Membina Laman Maya untuk Promosi Makyung);
- Bab 10, *Heritage Awareness of Makyung in Malaysia* (Kesedaran Warisan Makyung di Malaysia); dan
- Bab 11, *Sustaining Makyung Beyond the Millenium: The Continuity of an Oral Tradition* (Mengekalkan Makyung dalam Milenium Selanjutnya: Kesenambungan Sebuah Tradisi Oral).

Pembicaraan tajuk tersebut menunjukkan hasrat dan kebimbangan terhadap masa depan makyung sebagai satu bentuk seni persembahan yang sudah diiktiraf oleh UNESCO, yang wajar dipelihara supaya bentuknya lestari, dikenali dan digemari umum. Oleh itu, Bab Enam hingga Bab 11 buku ini membicarakan bagaimanakah untuk mencapai hasrat tersebut pada era kemajuan teknologi masa kini.

Buku kumpulan esei ini merupakan sebuah olahan akademik yang menanggapi makyung bukan sahaja sebagai suatu seni persembahan tradisi yang boleh dikomersialkan tetapi turut menekankan perspektif sosiobudaya. Makyung sudah terbentuk dan wujud sejak lebih 400 tahun yang lalu dan masih memiliki ciri tertentu yang tidak boleh diubah dan bernilai sehingga memberi jiwa dan makna yang signifikan kepada persembahan makyung. Buku ini turut menjelaskan tatacara persembahan makyung dan berusaha untuk mengangkat makyung bagi memenuhi keperluan semasa. Perbincangan buku ini akan lebih menarik jika mengupas signifikannya aspek sosiobudaya dalam kalangan peserta makyung. Jiwa makyung sebagai satu bentuk seni perlu diteliti secara serius. Hingga kini, sebuah kajian yang melakukan sintesis yang berwawasan masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Persembahan makyung perlu dikaji dalam konteks semangat dua tradisi yang wujud dalam dunia Melayu, iaitu tradisi istana dan tradisi rakyat. Dua dunia tersebut tergambar pada kesantunan gerak dan aksi *Menghadap Rebab* yang berpaksikan adat istiadat, dan sebaliknya lelucon peran berpaksikan kebiadaban. Dalam persembahan makyung, lakonan *Menghadap Rebab* melibatkan protokol dan kisah yang bermula dengan lelucon peran menjadi pemikat cerita.

Buku ini berjaya mengetengahkan isu yang menarik dan pragmatik ke arah memelihara tradisi makyung sebagai sebuah warisan. Buku ini juga merupakan suatu usaha melestarikan makyung supaya dapat dikenali dan difahami oleh masyarakat. Bak kata pepatah Melayu, “dayung sudah di tangan, perahu sudah di air”. Sebagai sebuah buku pengajian seni persembahan pada abad ini, buku ini akan lebih menarik dan bernilai komersial, jika diterbitkan dalam bentuk digital. Jelasnya, penulis buku ini lebih mengutamakan isu makyung sebagai satu persembahan tradisi yang memiliki nilai komersial seperti yang terungkap dalam Pengenalan buku ini, *this irreplaceable and moribund art form*. Sesungguhnya, buku ini memberikan maklumat yang sangat praktis tentang tatacara dan bentuk seni persembahan makyung serta pengubahsuaian mod digital. Sebagai sebuah buku yang bersifat akademik dan terkini, buku ini sangat penting dan mampu mengisi kelompangan perbincangan tentang seni tradisi makyung di Malaysia.